



KP(BS) 8591/Jld.XVIII (8)

1 Oktober 2002

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 8/2002 :
PENAWARAN MATA PELAJARAN BAHASA TAMBAHAN
DI SEKOLAH KEBANGSAAN (SK)

Surat Pekeliling Ikhtisas ini bertujuan memaklumkan bahawa mata pelajaran bahasa tambahan iaitu **Bahasa Cina Komunikasi, Bahasa Tamil Komunikasi dan Bahasa Arab Komunikasi** akan diperkenalkan mulai Tahun 1 di Sekolah Kebangsaan (SK) pada Tahun 2003. Mata Pelajaran ini hendaklah ditawarkan sebagai mata pelajaran pilihan yang tidak wajib. Sehubungan itu permintaan daripada ibu bapa untuk menubuhkan kelas POL tidak diperlukan bagi mengadakan Bahasa Tambahan.

2. Peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran berkenaan adalah sebanyak enam puluh (60) minit seminggu yang diambil daripada masa pilihan guru besar sebanyak tiga puluh (30) minit dan pertambahan masa persekolahan sebanyak tiga puluh (30) minit bagi Tahap 1 sekolah rendah. Pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Tambahan hendaklah dimasukkan dalam jadual waktu rasmi sekolah.
3. Tertakluk kepada keupayaan dan kemudahan sedia ada, pihak sekolah hendaklah menawarkan sekurang-kurangnya satu mata pelajaran Bahasa Tambahan. Penawaran mata pelajaran tersebut adalah terbuka kepada semua murid yang berminat untuk mempelajari bahasa yang telah dikenalpasti. Bagi murid yang memilih untuk tidak mengambil Bahasa Tambahan, pihak sekolah hendaklah memberi tugas mengikut budi bicara Guru Besar.
4. Sebagai permulaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tambahan mulai Tahun 1 akan dilaksanakan di 300 buah SK yang dikenalpasti oleh Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun sekolah-sekolah yang sedang melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tambahan hendaklah meneruskannya seperti sedia ada.
5. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Bahagian/Daerah dan Pengetua serta Guru Besar sekolah di bawah pentadbiran Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad
Menteri Pelajaran Malaysia
 2. Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 4. Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd Khir
Setiausaha Parliman, Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 8. Ketua-Ketua Bahagian, Kementerian Pendidikan Malaysia
 9. Ketua Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia
 10. Ketua Perhubungan Awam, Kementerian Pendidikan Malaysia